



05 JUL, 2022

MAFI sokong tindakan LKIM beli ikan terus daripada nelayan

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI sokong tindakan LKIM beli ikan terus daripada nelayan

Oleh TOREK SULONG

PASIR PUTEH – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyokong usaha Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) agar terus membeli ikan daripada nelayan untuk dijadikan stok pinimbang dalam usaha membantu menstabilkan harga bahan mentah itu.

Timbalan Menteri Pertanian II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, langkah itu secara tidak langsung dapat mengimbangi bekalan bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Menurutnya, selain itu, kewujudan pasar ikan tanpa melibatkan peranan orang tengah membolehkan rakyat membeli ikan pada harga yang berpatutan.

"MAFI tidak bersetuju dengan peranan orang tengah dalam bidang pertanian yang boleh menyebabkan nelayan terikat dengan mereka sekali gus memberi kesan kepada pembeli runcit

"Lebih baik jika nelayan atau ahli keluarga mereka berniaga sendiri hasil tangkapan dengan strategi pemasaran sendiri sebelum semua barang sampai kepada pengguna," katanya pada sidang akbar selepas melabuhkan tujuh tukun tiruan di Pelabuhan LKIM Tok Bali, di sini semalam.

Mengulas lanjut, katanya, MAFI telah memperkenalkan pelbagai pendekatan perniagaan secara online kepada petani yang turut boleh dicontohi nelayan untuk memasarkan ikan secara terus kepada pengguna semasa

musim Covid-19 yang lalu.

Katanya, pelbagai teknik boleh digunakan nelayan dalam menjual dan mempromosikan hasil tangkapan menggunakan platform digital.

"Agenst kerajaan seperti Lemba Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan (LPP) telah melaksanakan program jualan terus kepada rakyat dan perkara itu boleh dijadikan sebagai model kepada nelayan."

"Cadangan untuk melibatkan nelayan berniaga tanpa kartel perikanan amat dialu-alukan. MAFI amat bersetuju dengan pendekatan ini dan kerajaan seniasa membaca denyut nadi rakyat," ujarnya.



NIK MUHAMMAD ZAWAWI (empat dari kanan) semasa melakukan tinjauan proses melabuhkan tukun tiruan di dasar laut Tok Bali, Pasir Puteh semalam.



05 JUL, 2022

MAFI sokong tindakan LKIM beli ikan terus daripada nelayan

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyokong usaha Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) agar terus membeli ikan daripada nelayan untuk dijadikan stok penimbal dalam usaha membantu menstabilkan harga bahan mentah itu. Timbalan Menteri Pertanian II, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, langkah itu secara tidak langsung dapat mengimbangi bekalan bagi menjamin sekuriti makanan negara.